



Rujukan Kami : JPV:PKT/197/ 692/2 ( )

Tarikh : 9 Mac 20112

Kepada semua yang berkenaan

Tuan/Puan

**PELAWAAN UNTUK MENYERTAI EPP 16  
(PELABURAN DALAM SEKTOR TERNAKAN DI LUAR NEGARA)**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas

2. Dimaklumkan bahawa dalam program transformasi ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Veterinar di lantik menjadi pemilik kepada EPP 16, iaitu pelaburan dalam sektor ternakan di luar negara. Tujuan pelaburan tersebut adalah untuk menghasilkan ternakan atau hasilan ternakan untuk di pasarkan ke Malaysia atau negara lain.

3. Keistimewaan yang diperolehi oleh syarikat yang menyertai EPP 16 adalah seperti berikut:-

- i. Mendapat sokongan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk mendapatkan pinjaman daripada Exim bank atau Dana Pertanian Komersil Kementerian Kewangan.
- ii. Diberi keutamaan dalam menyertai tender Jabatan bagi perolehan ternakan dari luar negara.

4. Sehubungan dengan itu, semua syarikat yang layak adalah dipelawa untuk menyertai EPP 16 dengan mengemukakan dokumen berikut:-

- i. Rancangan Perniagaan
- ii. Kertas pembentangan
- iii. Pendapatan kasar Negara (GNI) yang dihasilkan



Rakyat Didahulukan  
Pencapaian Diutamakan

5. Kelayakan untuk menyertai EPP 16 adalah seperti berikut:-

- i. Syarikat dengan pegangan saham tempatan sekurang-kurangnya 51%
- ii. Modal dibenar sekurang-kurangnya RM 500,000.00
- iii. Modal berbayar sekurang-kurangnya RM 250,000.00
- iv. Mempunyai ikatan atau kerjasama perniagaan yang kukuh dengan syarikat luar negara yang berpengalaman dalam penternakan lembu
- v. Syarikat berdaftar di Malaysia

6. Dokumen perlu dihantar pada atau sebelum 30 Mac 2012, kepada:-

Ketua Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Wisma Tani, Blok Podium  
Lot 4G1, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62630 Putrajaya**

7. Bersama-sama ini disertakan CD format dokumen yang diperlukan sebagai panduan.

Sekian, Terima kasih

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

**PERTANIAN ADALAH PERNIAGAAN'**

Saya yang menurut perintah,

**(DR HJ. IDRIS BIN KADIR)**

Pengarah Pembangunan Komoditi Ternakan  
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

s.k.

KPPV  
TKPPV(P)